



Manfaat ilmu untuk kebaikan masyarakat



Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Rozali Ismail menyampaikan Bachelors Sastera (Bahasa Melayu Linguistik) kepada suami Allahyarham Wan Haniza Wan Ayub, Mohd Radzi Ahmad Zaighu, yang meninggal dunia kerana sakit Leukimia.

SERDANG, 17 Okt – Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Rozali Ismail menyeru semua graduan dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh di universiti untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Beliau berkata, graduan seharusnya menempatkan diri mereka di tempat yang strategik dan menjadi pemimpin yang sentiasa bersama masyarakat untuk membawa perubahan lebih baik.

“Ini amat bertepatan dengan usaha yang dilaksanakan oleh pemimpin negara bagi melonjakkan pencapaian bangsa dan negara ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

“Justeru, para graduan perlu sedar bahawa kehadiran anda di universiti serta kelebihan ilmu yang diperoleh bukanlah berlaku secara kebetulan tetapi atas tanggungjawab dan amanah yang perlu dilunaskan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada hari ketiga Majlis Konvokesyen UPM ke-35 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.



Pada majlis konvokesyen itu seramai 7,327 graduan menerima ijazah masing-masing.

Daripada jumlah itu 369 menerima ijazah doktor falsafah (PhD), 1,816 ijazah master, 4,744 ijazah bachelor dan 398 diploma.

Turut hadir pada istiadat itu, tiga Pro-Canselor UPM iaitu Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan Arifin, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek serta Pengurus Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Saleh Jaafar selaku wakil Naib Canselor.

Tan Sri Rozali berkata, negara amat memerlukan modal insan yang berguna dalam proses transformasi ke arah menjadikan Malaysia dengan ekonomi berpendapatan tinggi dan maju.



Menurutnya, dalam menuju ke arah itu, negara memerlukan rakyat Malaysia yang berkelayakan, berilmu pengetahuan serta terlibat secara aktif meningkatkan tahap masyarakat ke arah lebih cemerlang.

"Di mana anda berada selepas ini, sama ada dalam bidang pertanian, keusahawanan, kejuruteraan, perubatan, senibina atau bidang profesional lain, anda perlu terlibat secara aktif dalam meningkatkan tahap masyarakat ke arah kecemerlangan.

"Universiti sentiasa terbuka dalam usaha menghubungkan ilmu pengetahuan baharu dan kepakaran yang dimiliki untuk dijana bagi kesejahteraan rakyat," katanya.

Tan Sri Rozali Ismail turut mengingatkan agar graduan terus memberi sokongan dan sumbangan bagi memastikan universiti terus cemerlang.

Katanya, pelbagai cara boleh disumbangkan antaranya melalui program wakaf ilmu, penglibatan aktif dalam alumni universiti, penyelidikan dan juga program pembelajaran dan pengajaran.

Sementara itu pada majlis pengurniaan ijazah sebelah petangnya, Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek berkata graduan harus percaya kepada kualiti ilmu pengetahuan dan daya kepimpinan yang dimiliki untuk berjaya dalam bidang yang diceburi.

Namun dalam keghairahan mencipta kecemerlangan, beliau menasihatkan graduan tidak mengabaikan tanggung jawab sosial terhadap masyarakat dan nilai-nilai murni yang telah menjadi amalan hidup yang penting selama ini.

Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm), (Mohd Martin Kahar), foto (Unit foto MarComm)